

14/12/1999

MCA tidak berganjak, Keng Yaik kecewa

KUALA LUMPUR, Isnin - Mesyuarat Majlis Presiden MCA hari ini meminta dua jawatan Exco tambahan di Pulau Pinang, termasuk sebagai Timbalan Ketua Menteri kedua.

Sumber-sumber MCA memberitahu, keputusan itu dibuat berikutan pencapaian cemerlang parti itu di Pulau Pinang dalam pilihan raya umum lalu apabila memenangi semua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang ditandinginya.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik memberitahu sidang akhbar selepas mesyuarat berkenaan, keputusan sudah dicapai.

Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan hasil keputusan itu.

"Ia akan disampaikan kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN), dalam tempoh dua atau tiga hari lagi," katanya yang enggan mengulas lanjut.

Sementara itu, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik kecewa dan sedih dengan perkembangan politik terbaru di negeri itu.

Beliau meminta komponen BN melihat semula sejarah kerajaan Pulau Pinang di bawah Gerakan yang bertolak ansur walaupun ada parti tidak menunjukkan prestasi memuaskan dalam pilihan raya.

Contohnya, MCA tidak memperolehi keputusan yang memuaskan dalam pilihan raya 1974 hingga 1990 tetapi anggota parti itu tetap dipilih menjadi wakil dalam kerajaan Pulau Pinang.

Dr Lim menyifatkan tindakan MCA meminta lebih banyak jawatan exco, termasuk Timbalan Menteri Kedua, hanya menimbulkan kerenggangan hubungan antara Gerakan dengan MCA.

"Jika semangat BN kekal, tidak sepatutnya berlaku kerenggangan hubungan antara parti komponen. Hanya bila bilangan yang mereka minta, semangat BN rosak," katanya kepada pemberita di pejabatnya di Dayabumi hari ini.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, hari ini menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Putrajaya untuk menyelesaikan masalah berkaitan penubuhan kerajaan baru negeri itu.

Dua minggu selepas pilihan raya umum, Pulau Pinang menjadi satu-satunya negeri yang belum mengumumkan barisan Exconya, ekoran perselisihan antara Gerakan yang mengepalai kerajaan negeri dan MCA.

Kelmarin, sebuah akhbar tempatan dilaporkan memetik sumber sebagai berkata bahawa MCA bercadang menarik diri daripada pentadbiran kerajaan negeri yang diketuai Gerakan, jika parti itu tidak diberi lebih banyak jawatan Exco.

Mengikut tradisi, jawatan Timbalan Ketua Menteri disandang wakil Umno dan sebelum pilihan raya umum 29 November lalu, kerusi itu dipegang Datuk Seri Shariff Omar.

Isu mengenai tuntutan jawatan Timbalan Ketua Menteri kedua oleh MCA dibuat berikutan kemenangan 100 peratus calon parti itu dalam dua pilihan raya 1995 dan 1999.

Sembilan calon MCA yang bertanding dalam pilihan raya lalu menang di semua kawasan yang ditandinginya, manakala Gerakan kalah satu daripada 11 kawasan yang ditandinginya.

Kerusi Gerakan bertambah goyah berikutan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) bagi Bayan Lepas, Lim Chien Aun dan Datuk Kramat, Lim Boo Chang keluar parti selepas pilihan raya lalu menyebabkan Gerakan tinggal lapan kerusi.

Selain, Dr Ling turut mengumumkan pelantikan empat lagi pemimpin MCA termasuk dua Ahli Parlimen (MP) wanita bagi menganggotai Majlis Tertinggi MCA.

Mereka ialah Leong Tang Chong (Ketua Biro Undang-Undang), Yew Teong Look (Setiausaha Agung Pemuda), Chew Mei Fun (MP Petaling Jaya Utara) dan Christina Lim Bee Kaw (MP Padang Serai, Kedah).

(END)